



LAPORAN TAHUNAN

YAYASAN IKHLAS | EDISI 15

YAS

ISI KANDUNGAN

- 
- 03** Sekapur Sirih
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
 - 05** Latar Belakang
 - 07** Ahli Lembaga Pemegang Amanah
 - 08** Duta
 - 09** Warga Kerja 2024
 - 13** Kluster Bantuan

15 Pelaksanaan & Pencapaian
Pelaksanaan Projek 2024
Pencapaian 2024

17 Aktiviti Sepanjang Tahun 2024
Kluster Komuniti
Kluster Pendidikan
Kluster Pengendalian Bencana
Kluster Kesihatan

29 Ejen Perunding
Lembaga Zakat Selangor

30 Pengecualian Cukai
Lembaga Hasil Dalam Negeri

31 Rakan Kerjasama

34 Maklumat Akaun
Imbas dan Sumbang



Sekapur Sirih
**PENGERUSI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH**



**“ Kerjasama menyeluruh
daripada pelbagai pihak merupakan
tunjang kejayaan yayasan ini. ”**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjat kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Yayasan Ikhlas terus menyantuni dan membantu pengukuhan komuniti sehingga hari ini.

Tahun 2024 menyaksikan pelbagai kolaborasi baharu dengan rakan-rakan strategik baharu, antaranya ANIH Berhad, MIROS dan Sabah Triton Xpedition (STX). Yayasan Ikhlas juga menyertai beberapa program berskala besar seperti Persidangan Kemanusiaan Antarabangsa MERCY Malaysia, Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan dan Diskusi Pendidikan Sabah.

Civil Defence Auxiliary (CDA) Yayasan Ikhlas terus diperkukuh melalui latihan dan penambahan aktiviti, hingga dianugerahkan sebagai CDA Terbaik (Emas) 2024 oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Yayasan Ikhlas juga memberi perhatian kepada 5 orang pesakit, termasuk Adik Maryam yang diuji dengan Sindrom Goldenhar dan Treacher Collins. Adik Maryam dibantu selama setahun melalui keperluan kebajikan, kemudahan rawatan dan sokongan emosi. Kita doakan mereka semua diberi kesembuhan.

Dari sudut pembangunan infrastruktur, Yayasan Ikhlas menjayakan 7 projek air bersih, 7 projek solar dan satu pembinaan masjid. Semoga kemudahan-kemudahan ini merancakkan aktiviti pembangunan komuniti.

Kerjasama menyeluruh daripada pelbagai pihak merupakan tunjang kejayaan yayasan ini. Justeru, saya merakam setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli pemegang amanah, para kakitangan, duta-duta, penyumbang dermawan, sukarelawan budiman dan seluruh penyokong Yayasan Ikhlas.


Penghargaan khusus saya zahirkan buat syarikat-syarikat korporat; Maybank Islamic, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Maybank Asset Management, EXIM Bank dan badan-badan korporat lain atas kepercayaan dan kebersamaan dengan Yayasan Ikhlas. Amanah anda adalah tanggung jawab kami.

Semoga tahun 2025 menjadi tahun cemerlang buat Yayasan Ikhlas dalam meluaskan manfaat dan mengukuhkan impak. Terus bersama Yayasan Ikhlas; Badan Kemanusiaan Kepercayaan Anda.

Zainur Rashid

Prof Dr Zainur Rashid Zainuddin

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Ikhlas



LATAR BELAKANG



PENGENALAN

Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri pada 5 Mac 2009.



VISI

Menjadi sebuah yayasan global yang memberi perkhidmatan tanpa batas waktu dan tempat menjelang 2030.






MISI


Melaksanakan tanggungjawab kemanusiaan demi agama, bangsa, dan negara.



OBJEKTIF

- Untuk meningkatkan taraf hidup golongan fakir dan miskin.
- Untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan yang kurang berkemampuan.
- Untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana yang ditimpa musibah mahupun yang dalam kesusahan.





AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Depan (Dari Kiri)

Kolonel Hj. Ridzwan Shoib
Setiausaha

Ustaz Hj. Mohd Rusdi Alias
Timbalan Pengerusi

Prof. Dr. Zainur Rashid Zainuddin
Pengerusi

Belakang (Dari Kiri)

Ir. Amran Wahidi Abdullah
Ahli

Hj. Mohd Kamaldin Nordin
Ahli

DUTA

Depan (Dari Kiri)

Dr. Rozanizam Zakaria
Pakar Psikiatri
Pensyarah UIAM

**Datuk Dr. Hj. Mohamed Hatta
Mohamed Tarmizi**
Pakar Perubatan Reproktif
Pakar Perunding Obstetrik dan
Ginekologi

S.S Dato' Hj. Zamri Hashim
Timbalan Mufti Perak

Dr. Mohd Khairol Jambli
Pegawai Perubatan UiTM
Cawangan Sarawak

Muhammad Haziq Abd Rahim
Pengasas Saluran AJAR

Belakang (Dari Kiri)

Prof. Dr. Rafidah Hanim Mokhtar
Pakar Perubatan, Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan USIM

Prof. Dr. Sharifah Sulaiha Syed Aznal
Pakar Perunding Obstetrik dan
Ginekologi
Pensyarah IMU

Dr. Murizah Mohd Zain
Pakar Perubatan Reproktif
Pakar Perunding Obstetrik dan
Ginekologi



WARGA KERJA 2024



BILAL BIN JAILANI
Pengurus Besar



Ir HJ KAMARUDDIN BIN KASSIM
Pengarah Bahagian Korporat

KORPORAT



FUZAI



SYAFIQ



HAKIM



SYAKIR



AMIN



AFIFUDDIN



NOORJAN

KEWANGAN



NURUL



AMANI

PENTADBIRAN



AIYSHAH

OPERASI



MUSTAFA



HANIZAM



HASSRIQ



REDHA



FAUZI



SHAMRILI



ENDI

PEMASARAN & MEDIA



ANAS



FAWZAN




ASHRAF



AZIRAH




HAFIZAH




SHAFUAN

PENJENAMAAN & KOLABORASI




AIDA



IZATUL



MUBIN



NABILAH

PERHUBUNGAN AWAM



ZAINIZAM



KHAIRUL



FAKHRURRAZI



HAFEEZ



AZIZUL



HISHAM



ANAS



SHAHRUL



FARZANA



MADHAJAN

KLUSTER BANTUAN

KOMUNITI

Kasih Ramadan, ibadah korban dan projek-projek infrastruktur seperti pembangunan surau dan sistem air bersih pastinya memberi nilai tambah kepada kehidupan masyarakat, selain mengaktifkan interaksi sosial dan keprihatinan sesama mereka.

PENDIDIKAN

Pembinaan sekolah agama, program 3M (Membaca, Mengira, Menulis) dan fardu ain dipergiat bagi memastikan murid di kawasan pedalaman tidak tercicir dan hilang keyakinan diri. Usaha ini diperkukuh lagi dengan biasiswa pelajar cemerlang dan pembangunan kepimpinan, dengan keyakinan '*pendidikan menjamin masa depan*'.

PENGENDALIAN BENCANA


Civil Defence Auxiliary - Emergency Response Team (CDA-ERT) Yayasan Ikhlas adalah pasukan terlatih yang sedia membantu mangsa bencana melalui usaha menyelamatkan, sokongan emosi dan keperluan asas, serta bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan seperti JKM dan APM di zon bencana.

KESIHATAN

Kos rawatan dan alat perubatan yang tinggi dapat diatasi dengan sumbangan awam melalui inisiatif Bantu Pesakit Sihat (BPS). Selain itu, kempen kesihatan seperti Sunathon, pemeriksaan kesihatan dan misi perubatan ke kawasan pedalaman dapat mengukuhkan sistem kesihatan awam sedia ada.



PELAKSANAAN PROJEK & PENCAPAIAN 2024



RM9+
Juta

RM9,062,187.78
Dana disumbangkan

100+
Ribu

109,258
Penerima Manfaat



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2024

1 KLUSTER KOMUNITI

MISI ASNAF JALANAN



Dana Disumbangkan:

RM 93,824.77

Penerima Manfaat:

438 Orang

Misi Asnaf Jalan (MAJ) ditubuhkan pada 28 Julai 2023 untuk menyediakan sokongan kepada individu yang memerlukan di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur.

Yayasan Ikhlas bekerjasama dengan badan korporat dan persatuan mahasiswa secara bulanan menerusi projek 'turun padang' yang menyasarkan kanak-kanak dan ibu bapa. Inisiatif ini secara tak langsung memberikan kesedaran dan pendidikan tidak formal kepada sukarelawan yang berkhidmat.

Bantuan dan aktiviti yang dijalankan:

- Program Motivasi & Sesi Kaunseling
- Barangan Keperluan Harian
- Barang Keperluan Hari Perayaan
- Pembelajaran Asas 3M
- Pembelajaran Asas Fardu Ain
- Program / Ceramah Keagamaan



KASIH RAMADAN



Dana Disumbangkan:
RM 1,180,600.82

Penerima Manfaat:
10,340 Orang

Kempen Kasih Ramadan bertujuan membantu mereka menyambut Ramadan dan Syawal dengan kecukupan, khususnya persediaan berbuka puasa dan persiapan menyambut hari raya.

Dijalankan di seluruh negara, Yayasan Ikhlas menyantuni rumah orang tua, kampung pedalaman, penduduk pulau terpencil, rumah anak yatim, surau-surau dan lain-lain.





Pek Kasih Ramadan terbahagi kepada 3 pakej:

- Pek Makanan (Barang keperluan asas)
- Pek Sahur/Iftar (Makanan siap masak)
- Pek Raya (Pakaian raya, duit raya dan kuih raya)



PEMBANGUNAN SISTEM AIR BERSIH



Dana Disumbangkan:
RM 1,121,216.17

Penerima Manfaat:
4,210 Orang

Projek Pembangunan Sistem Air Bersih ini dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui penyediaan sumber air yang selamat untuk minuman, keperluan harian dan kebersihan asas.

Yaysan Ikhlas bekerjasama dengan badan kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat setempat dan sukarelawan untuk membina dan menyelenggara sistem bekalan air bersih seperti sistem penapisan air, pemasangan paip, tangki simpanan air dan pam air.

Kawasan yang telah menerima manfaat air bersih:

- Kg. Kerangan, Sarawak
- Kg. Lakutan, Sarawak
- SMK Bongkol, Pitas, Sabah
- Kg. Bukit Bart, Sik, Kedah
- Kg. Jelutung, Sik, Kedah
- Masjid Jamek Al-Ittifaqiyah, Kg. Charok, Kedah
- Kg. Bahagia, Kusla Krai, Kelantan



PROJEK BEKALAN TENAGA SOLAR

Dana Disumbangkan:

RM 181,084.30

Penerima Manfaat:

1,288 Orang

Yayasan Ikhlas memasang sistem solar yang menjana tenaga elektrik dan mesra alam bagi menambah kapasiti terhadap sumber tenaga sedia ada.

Dengan tenaga tambahan ini, kampung-kampung terpencil kini dapat menikmati bekalan elektrik yang lebih stabil untuk menerangi rumah, masjid, sekolah, dan pusat komuniti mereka.

Kawasan yang telah menerima manfaat sumber tenaga solar:

- Kg. Jampiras, Sandakan, Sabah ■
- Pusat Pengajian Islam Al-Huda, Pekan 2, Semporna, Sabah ■
- Pusat Komuniti Islam Plaman Toop, Batu 121, Serian, Sarawak ■
- Kg Long Busang, Sarawak ■
- Masjid Darul Rahmah, Long Busang, Sarawak ■
- Masjid Moorul Islam Sematan, Sarawak ■
- Masjid Darul Ibadah, Semariang Lama, Sarawak ■

2

KLUSTER PENDIDIKAN

PUSAT PEMBELAJARAN ISLAM AL-HUDA



Dana Disumbangkan:

RM 438,171.77

Penerima Manfaat:

564 Pelajar

Pusat Pembelajaran Islam Al-Huda dibangunkan bagi memberi peluang kepada anak-anak asnaf di Semporna, Sabah yang mempunyai limitasi dalam akses pendidikan disebabkan beberapa faktor seperti keluarga yang miskin, tiada pendapatan tetap dan tiada kad pengenalan (*undocumented*).

Di sini, mereka belajar kemahiran asas seperti membaca, mengira dan menulis, selain asas agama Islam dan fardu ain. Mereka dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut perkembangan ilmu; Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4.

Pusat pembelajaran ini diuruskan oleh anak-anak muda Semporna yang berpendidikan dan berjiwa besar.



SEKOLAH AGAMA RAKYAT

Dana Disumbangkan:
RM 249,769.70

Penerima Manfaat:
73 Orang

Yayasan Ikhlas mengoperasikan Sekolah Agama Rakyat Al-Ikhlas, Kampung Kilugus, Kuala Penyu, Sabah, dengan sokongan dana daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB).

Kerja-kerja pasca-pembangunan disempurnakan bagi memastikan fasiliti sekolah ini di tahap terbaik dan mematuhi semua keperluan perundangan.

Sekolah ini memberi manfaat kepada anak-anak Kampung Kilugus, dan dua kampung sekitar; Kampung Melikai dan Kampung Sinapokan. Kurikulum mereka diambil dari silibus Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan juga silibus JAKIM (KAFA).





PUSAT PENGAJIAN AL-HUSNA

Dana Disumbangkan:

RM 6,110.17

Penerima Manfaat:

60 Pelajar

Pusat Pengajian Al-Husna yang ditubuhkan di Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak ini telah memberi suasana baharu kepada anak-anak orang Asli.

Mereka dididik membaca Al-Quran melalui kaedah Iqra dan diajar fardu ain seperti amali solat, kebersihan diri, adab kesopanan dan akhlak mulia. Inisiatif ini berjaya menarik minat ramai kanak-kanak dalam mengisi masa terluang mereka.

3

KLUSTER PENGENDALIAN BENCANA



MISI BANTUAN BENCANA BANJIR



Dana Disumbangkan:
RM 748,286.79

Penerima Manfaat:
74,215 Mangsa Banjir

Banjir merupakan bencana alam yang kerap berlaku di negara kita. Pengendaliannya memerlukan perancangan awal yang sempurna meliputi bantuan makanan, latihan sukarelawan dan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan.

Sumbangan daripada badan korporat dan orang awam disalurkan kepada mangsa banjir di rumah mereka atau Pusat Pemindahan Sementara (PPS) melalui beberapa projek bersama sukarelawan.

Atas sumbangan aktif dan kecekapan, pasukan Civil Defence Auxiliary (CDA) Yayasan Ikhlas dinobatkan sebagai CDA Terbaik (Emas) 2024 oleh Angkatan Pertahanan Awam.



Antara bentuk sumbangan yang disalurkan adalah:

- Dapur Ikhlas
- Kit Emosi, Psychological First Aid (PFA)
- Projek Cuci Rumah
- Baik Pulih Rumah

4 KLUSTER KESIHATAN

ANJUNG KAUNSEING KELUARGA



Dana Disumbangkan:
RM 40,033.75

Penerima Manfaat:
69 Orang

Ditubuhkan secara rasmi pada Januari 2023 dan berdaftar bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Anjung Kaunseling Keluarga (AKK) berhasrat meluaskan akses perkhidmatan kaunseling kepada segenap lapisan masyarakat.

AKK menyediakan 15 orang kaunselor panel lelaki dan wanita yang memiliki pelbagai kemahiran dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Kesemua mereka mempunyai perakuan amalan yang aktif.



EJEN PERUNDING LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



- Salurkan zakat anda ke akaun Lembaga Zakat Selangor (Yayasan Ikhlas)




5505 1011 0880


- Lampirkan bukti pembayaran ke emel zakat@yayasanikhlas.org.my



PENGECUALIAN CUKAI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI



INDIVIDU
daripada pendapatan
agregat



SYARIKAT
daripada pendapatan
agregat

RAKAN KERJASAMA 2009–2024

Syarikat



Agensi Kerajaan



Badan Bukan Kerajaan (NGO)



Institusi Pendidikan



Masjid dan Surau



Media



Pendakwah Selebriti / Pempengaruh

- Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias
- Dato' Hj. Badli Shah Hj. Alauddin
- Ustaz Hanafiah Abdul Malek
- Ustaz Syed Mohd Norhisyam Al-Idrus
- PU Syed Mohd Bakri Syed Ishak Benyahya
- Ustaz Lah (Abdullah Abdul Razak)
- Bell Ngasri
- Farah Lee
- Aisyah Hijanah
- Alif Teega
- Anita Baharom

MAKLUMAT AKAUN

Akaun Yayasan Ikhlas

 Maybank Islamic	5628 3463 6228	 BANKRAKYAT	1108 0100 1514
 Maybank Islamic	5628 3463 6235	 Bank Muamalat	1210 000 116 5716
 CIMB BANK	8600 601 366	 RHB Islamic Bank	212 4576 0028 679

IMBAS DAN SUMBANG

Kini anda boleh menyumbang dengan mudah



“Rakan Kemanusiaan Kepercayaan Anda”

27-1-1, Jalan PB 1A,
Seksyen 9 Bandar Baru Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Tel 019-6115954

admin@yayasanikhlas.org.my
www.yayasanikhlas.org.my

Ikuti laman sosial media kami:



2024